

TERBITAN UTUSAN BORNEO – 17 OGOS 2026

PKPS e-Invois beri peluang perbetul kesilapan, tingkat pematuhan

1. Utusan Borneo – Keratan Akhbar

PressReader: Utusan Borneo (Sarawak), Monday, August 17, 2026, Page 5

Tempatan

Isnin, 17 Ogos 2026 **Borneo** 5

PKPS e-Invois beri peluang perbetul kesilapan, tingkat pematuhan

Oleh Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan e-Invois merupakan antara langkah strategik dalam memperkukuh sistem percukaian negara, selain menyokong pendigitalan ekosistem perniagaan ke arah pengurusan transaksi yang lebih cekap, sistematik dan telus.

Bagaimanapun, peralihan kepada sistem e-Invois turut membawa cabaran apabila pembayar cukai menyesuaikan diri dengan proses dan keperluan baharu.

Antara kesilapan yang mungkin berlaku termasuk kegagalan mengeluarkan e-Invois bagi transaksi tertentu serta kesilapan memasukkan maklumat seperti Nombor Pengenal Cukai (TIN), maklumat pembeli, amaun transaksi atau butiran lain yang ditetapkan.

Kegagalan mengeluarkan e-Invois atau pengeluaran e-Invois yang tidak mematuhi keperluan ditetapkan boleh dikenakan tindakan pematuhan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Dalam pada itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus mengutamakan pendekatan pendidikan dan bimbingan bagi membantu pembayar cukai memahami serta memenuhi keperluan e-Invois.

Bagi membantu perniagaan, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), Kerajaan memperkenalkan Program Khas Pengukuhan Sukarela (PKPS) e-Invois.

Program yang berlangsung dari 7 Julai 2026 hingga 31 Disember 2027 itu memberi peluang kepada pembayar cukai untuk menyemak, membetulkan dan mengemukakan semula e-Invois yang tidak dikemukakan atau mengandungi kesilapan secara sukarela tanpa dikenakan penalti.

PKPS e-Invois terpakai kepada pembayar cukai yang terlepas mengemukakan



BANTU PERNIAGAAN: Ibu pejabat HASiL di Cyberjaya. — Gambar HASiL



PEMATUHAN: PKPS e-Invois menyokong pematuhan cukai secara sukarela serta ekosistem perniagaan yang lebih telus. — Gambar HASiL

e-Invois bagi tempoh atau transaksi berkaitan selepas tarikh pelaksanaan mandatori

e-Invois. Ia turut meliputi pembayar cukai yang telah mengem-



LANGKAH STRATEGIK: PKPS e-Invois bertujuan membantu perniagaan meningkatkan pematuhan e-Invois. — Gambar HASiL

mukan e-Invois tetapi mengandungi kesilapan atau maklumat yang tidak mematuhi spesifikasi dan keperluan ditetapkan di bawah perundangan serta garis panduan berkaitan.

Program itu juga meliputi pembayar cukai yang telah menerima maklumat mengenai pematuhan e-Invois atau sedang dalam proses semakan pematuhan oleh HASiL.

Bagi pembayar cukai yang menyertai PKPS, tiada tindakan audit pematuhan e-Invois dijalankan terhadap pengakuan sukarela yang dibuat.

Perniagaan yang ingin

menyertai program itu perlu mengemukakan e-Invois menggunakan versi yang ditetapkan, iaitu 'PKPS 1.2' bagi e-Invois yang dihantar dengan tandatangan digital dan 'PKPS 1.3' bagi e-Invois tanpa tandatangan digital.

Penggunaan versi yang betul penting bagi memastikan e-Invois yang dikemukakan di bawah PKPS e-Invois dapat dikenal pasti dengan tepat.

Sehubungan itu, perniagaan disaran memanfaatkan tempoh PKPS dengan menyemak semula rekod e-Invois dan pematuhan pelaksanaan e-Invois mereka.

Maklumat yang direkod-



PROAKTIF: Perniagaan digalakkan menyemak rekod e-Invois dan membuat pembetulan menerusi PKPS e-Invois. — Gambar HASiL

kan bagi setiap transaksi juga perlu dipastikan tepat, manakala sebarang kesilapan hendaklah diperbetulkan mengikut prosedur ditetapkan.

Langkah itu dapat membantu memastikan rekod transaksi yang lengkap selain mengurangkan risiko pembetulan yang lebih rumit pada masa hadapan.

Bagaimanapun, kelonggaran di bawah PKPS e-Invois tidak terpakai sekiranya e-Invois yang dikemukakan tidak mematuhi spesifikasi ditetapkan atau pengakuan sukarela melibatkan unsur penipuan, keingkaran yang disengajakan atau kecuriaan.

Dalam keadaan berkenaan, HASiL berhak mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pada asasnya, PKPS e-In-

vois bukan bertujuan mencari kesalahan perniagaan, sebaliknya memberi ruang kepada pembayar cukai untuk membetulkan kekurangan secara sukarela dan meningkatkan tahap pematuhan.

Inisiatif itu mencerminkan komitmen kerajaan dan HASiL dalam membudayakan pematuhan secara sukarela, di samping memperkukuh ekosistem percukaian dan perniagaan yang lebih moden, telus serta berintegriti.

Perniagaan yang mempunyai pertanyaan berkaitan PKPS e-Invois atau memerlukan khidmat nasihat mengenai pelaksanaan e-Invois boleh mendapatkan bantuan melalui saluran rasmi HASiL, termasuk Meja Bantuan e-Invois menerusi e-mail myinvois@hasil.gov.my, atau berkunjung ke Pejabat HASiL yang berhampiran. - Sumber daripada HASiL

PKPS e-Invois beri peluang perbetul kesilapan, tingkat pematuhan

🕒 Ogos 17, 2026, Isnin - 5:00am



BANTU PERNIAGAAN: Ibu pejabat HASiL di Cyberjaya. - *Gambar HASiL*

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan e-Invois merupakan antara langkah strategik dalam memperkukuh sistem percukaian negara, selain menyokong pendigitalan ekosistem perniagaan ke arah pengurusan transaksi yang Bagaimanapun, peralihan kepada sistem e-Invois turut membawa cabaran apabila pembayar cukai menyesuaikan diri dengan proses dan keperluan baharu.

Antara kesilapan yang mungkin berlaku termasuk kegagalan mengeluarkan e-Invois bagi transaksi tertentu serta kesalahan memasukkan maklumat seperti Nombor Pengenalan Cukai (TIN), maklumat pembeli, amaun transaksi atau butiran lain yang ditetapkan.

Kegagalan mengeluarkan e-Invois atau pengeluaran e-Invois yang tidak mematuhi keperluan ditetapkan boleh dikenakan tindakan pematuhan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.



INISIATIF: PKPS e-Invois memberi peluang kepada perniagaan membetulkan kesilapan e-Invois secara sukarela tanpa dikenakan penalti. - *Gambar HASiL*

Dalam pada itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus mengutamakan pendekatan pendidikan dan bimbingan bagi membantu pembayar cukai memahami serta memenuhi keperluan e-Invois.

Bagi membantu perniagaan, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), Kerajaan memperkenalkan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) e-Invois.

Program yang berlangsung dari 7 Julai 2026 hingga 31 Disember 2027 itu memberi peluang kepada pembayar cukai untuk menyemak, membetulkan dan mengemukakan semula e-Invois yang tidak dikemukakan atau mengandungi kesilapan secara sukarela tanpa dikenakan penalti.

PKPS e-Invois terpakai kepada pembayar cukai yang terlepas mengemukakan e-Invois bagi tempoh atau transaksi berkaitan selepas tarikh pelaksanaan mandatori e-Invois.



LANGKAH STRATEGIK: PKPS e-Invois bertujuan membantu perniagaan meningkatkan pematuhan e-Invois. - *Gambar HASiL*

Ia turut meliputi pembayar cukai yang telah mengemukakan e-Invois tetapi mengandungi kesilapan atau maklumat yang tidak mematuhi spesifikasi dan keperluan ditetapkan di bawah perundangan serta garis panduan berkaitan.

Program itu juga meliputi pembayar cukai yang telah menerima makluman lawatan semakan pematuhan e-Invois atau sedang dalam proses semakan pematuhan oleh HASiL.

Bagi pembayar cukai yang menyertai PKPS, tiada tindakan audit pematuhan e-Invois dijalankan terhadap pengakuan sukarela yang dibuat.

Perniagaan yang ingin menyertai program itu perlu mengemukakan e-Invois menggunakan versi yang ditetapkan, iaitu 'PKPS 1.2' bagi e-Invois yang dihantar dengan tandatangan digital dan 'PKPS 1.3' bagi e-Invois tanpa tandatangan digital.



Penggunaan versi yang betul penting bagi memastikan e-Invois yang dikemukakan di bawah PKPS e-Invois dapat dikenal pasti dengan tepat.

Sehubungan itu, perniagaan disaran memanfaatkan tempoh PKPS dengan menyemak semula rekod e-Invois dan pematuhan pelaksanaan e-Invois mereka.

Maklumat yang direkodkan bagi setiap transaksi juga perlu dipastikan tepat, manakala sebarang kesilapan hendaklah diperbetulkan mengikut prosedur ditetapkan.

Langkah itu dapat membantu memastikan rekod transaksi yang lengkap selain mengurangkan risiko pembetulan yang lebih rumit pada masa hadapan.



PEMATUHAN: PKPS e-Invois menyokong pematuhan cukai secara sukarela serta ekosistem perniagaan yang lebih telus. - *Gambar HASiL*

Bagaimanapun, kelonggaran di bawah PKPS e-Invois tidak terpakai sekiranya e-Invois yang dikemukakan tidak mematuhi spesifikasi ditetapkan atau pengakuan sukarela melibatkan unsur penipuan, keingkaran yang disengajakan atau kecuai.

Dalam keadaan berkenaan, HASiL berhak mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pada asasnya, PKPS e-Invois bukan bertujuan mencari kesalahan perniagaan, sebaliknya memberi ruang kepada pembayar cukai untuk membetulkan kekurangan secara sukarela dan meningkatkan tahap pematuhan.

Inisiatif itu mencerminkan komitmen kerajaan dan HASiL dalam membudayakan pematuhan secara sukarela, di samping memperkukuh ekosistem percukaian dan perniagaan yang lebih moden, telus serta berintegriti.

Perniagaan yang mempunyai pertanyaan berkaitan PKPS e-Invois atau memerlukan khidmat nasihat mengenai pelaksanaan e-Invois boleh mendapatkan bantuan melalui saluran rasmi HASiL, termasuk Meja Bantuan e-Invois menerusi e-mel myinvois@hasil.gov.my, atau berkunjung ke Pejabat HASiL yang berhampiran. - Sumber daripada HASiL

👤 oleh Nurin Abdullah

Kategori [Nasional](#)



Facebook



Twitter



Google+




Email



Print

3. Utusan Borneo – Facebook



4. Utusan Borneo – Instagram

Instagram

